

Ka'ab ibn Zuhayr: Pujangga Dua Zaman

Ada baiknya kalau sesekali kita memandang ke belakang, memerhatikan alam kesusasteraan Islam, usaha yang penuh dengan iman dan takwa, sastera yang berjiwa keislaman demi perjuangan ke arah keagungan agama yang suci ini.

Sebenarnya sastera yang berjiwa keislaman masih banyak yang tersimpan dalam perbendaharaannya, dan kita bangsa Melayu yang beragama Islam ini masih sedikit benar mengenal hasil usaha seperti itu. Sedang usaha-usaha ke arah pengenalan dan pengertian terhadapnya perlu sekali untuk mengisi alam kesusasteraan kita Melayu.

Dalam rencana ini, ingatan supaya mengajak sidang pembaca bersama-sama memandang balik ke belakang mengenal seorang pujangga yang hidup dalam dua zaman, Jahiliah dan Islam, pujangga yang saya maksudkan itu ialah Ka'ab ibn Zuhayr.

(Oleh: Muhammad Zain ibn Sarudin)

Ka'ab terjumlah dalam keluarga seni. Bapanya Zuhayr
ibn Abī Sulmā seorang penyair yang terbilang dalam
zamannya, begitu juga datuknya, dan saudaranya
Bujayr pun seorang penyair.

Pada suatu hari saudaranya Bujayr berkata
kepadanya, supaya jangan ia pergi ke mana-mana, kerana
Muhammad ibn 'Abd Allah (Pesuruh Tuhan) akan datang ke tempat
mereka. Tetapi ia pergi juga. Tiba-tiba didengarnya khabar
bahawa saudaranya Bujayr telah memeluk agama Islam.

Sebagai seorang yang anti-Islam, seorang yang
teguh pendiriannya terhadap berhala yang telah diwarisinya,
maka dilahirkannyalah kemarahannya dan penentanganannya terhadap
sikap saudaranya itu dalam syairnya:

Sampaikanlah madahku ini kepada Bujayr
Masihkah kau berpegang dengan kata-katamu?
Celakalah kau!
Kau telah diminumi Muhammad
Semangkuk penuh guna-guna – memuaskan
Akibatnya kau dicelakakan
Binasalah kau diseret Muhammad itu.
Kau tinggalkan panduan
Kau ikut dia
Aku tidak mengerti
Dengan jalan apa orang lain memandumu?
Kau sudah tercebur
Di lembah yang tak pernah disentuh emak dan bapa

Dan yang tak pernah diketahui oleh saudaramu
sendiri.

Andainya kau tidak berpaling tadah
Sebenarnya tidaklah aku berdukacita

Madah penyair itu sampai ke tangan Bujayr, akhirnya
sampailah ke pengetahuan Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*.
Meningat kepada besarnya pengaruh syair di kalangan bangsa
Arab, apalagi syair itu menyentuh peribadi Rasulullah
sendiri, maka baginda pun mengisytiharkan hukuman
bunuh kepada penyair Ka‘ab itu.

Didorong oleh perasaan kasihan dan timbang rasa,
maka Bujayr pun tidak berlengah lagi terus menulis
surat kepada saudaranya, memberitahu akan
pengisytiharan Rasulullah itu, di samping itu ia
memberi nasihat: “Andainya di hatimu tersemat keinginan
hendak memeluk Islam, janganlah berlengah lagi, pergilah
berjumpa dengan Rasulullah, sebenarnya ia menerima dengan
senang hati, dan dosamu pada masa kafirmu tidaklah
diperhitungkan.”

Apabila Ka‘ab menerima surat itu, terasalah ia
takut dan ragu-ragu; takut kepada kemurkaan Rasulullah,
dan ragu terhadap berhala, ia sudah merasa
tidak aman lagi. Iapun pergi mendapatkan kabilah-kabilah
dan meminta perlindungan, tetapi ia telah berhampa hati
kerana tidak mendapat apa yang diharapkannya itu, bahkan
sebaliknya, kerap kali ia terdengar di telinganya menderam
suara ghaib:

“Kau dihukum bunuh”. Dalam pada itu
bersenandunglah ia:

Mereka yang mendustakan itu berusaha
Suara mereka bergema di mana-mana
“Kau wahai cucu Abī Sulmā

menerima balasan hukuman bunuh”.

Kutemui kawan-kawan yang ku harapkan
Kepada mereka kuminta perlindungan
“Pergilah kau” demikian jawapan
“Aku tak peduli, aku berurusan.”

Kukatakanlah pada diriku
Pergilah kamu tinggalkan aku,
Setiap yang ditakdirkan
Terjadinya adalah pasti.

Setiap anak yang dilahirkan
Sungguhpun ke mana ia menikmati keselamatan
Namun.....pada suatu ketika
Di keranda mati terbaring juga.

Habis sudah ikhtiar, usaha tidak berhasil,
perlindungan tidak diperolehinya, bumi dipijak bumi
runtuh, sempitlah dunia ini pada pandangannya. Dengan
berbekalkan harapan: “Pesuruh Tuhan orang yang
pengampun”, maka digagahnya dirinya hendak bertemu dengan
Rasulullah (S.A.W.). Ditinggalkanlah kampungnya, keluarlah
ia hingga sampai di Madinah. Ia singgah di rumah
seorang kenalannya dari kabilah Juhaynah.

Kemudian pergilah keduanya ke masjid. Kenalannya
menunjukkan kepadanya orang yang dihajatnya itu sambil
berkata “Bangunlah, dan mintalah nyawa kepadanya”. Dengan
tidak berlengah lagi iapun bangun dan pergi duduk
di sisi Rasulullah, kemudian berkatalah ia: “Wahai
Pesuruh Tuhan, bahawa Ka‘ab ibn Zuhayr datang mengadap
tuan kerana meminta nyawa, ia bertaubat, dan menjadi
seorang Islam, adakah tuan menerima dia kiranya saya
bawa dia ke hadapan tuan?” Baginda menjawab: “Ya!”
kemudian Ka‘ab pun berkata: “Sayalah Ka‘ab ibn Zuhayr,

wahai Pesuruh Tuhan.” Pada saat itu melompatlah seorang Islam dari golongan Ansar dan berkata: “Ya Rasulullah! Berikanlah izin supaya saya penggal lehernya”. Rasulullah menyabarkan dan berkata: “Biarkan dia, dia datang hendak bertaubat”.

Setelah peristiwa yang bersejarah itu, maka Ka’ab pun bersyair, antara syairnya yang panjang itu, ia berkata:

Dibisikkan ke telingaku
Pesuruh Tuhan murka hendak membunuhku
Tetapi masih ada harapan
Di sisinya ada keampunan.

Kuminta kaubertangguh
Aku telah diberi pertunjuk¹
Al-Qur’an yang mengandungi keterangan.

Janganlah hendaknya kau terpengaruh
Oleh mereka yang mempermainkan kata-kata
Sebenarnya aku tidaklah berdosa
Sungguhpun tuduhan mereka bergema.

Sesungguhnya pendirianku
Sekitar kupandang dan kudengarkan
Andainya gajah berdiri di tempatku
Sungguhpun besar badannya ia menggeletar.

Melainkan yang kuharapkan
Wahai Rasulullah daripadamu
Ialah keampunan, dengan izin Allah.

Antaranya ia memuji-muji:

Sesungguhnya Pesuruh Tuhan ialah pedang
Pedang Pilihan dari pedang-pedang Tuhan
Cahayanya memancar berkilauan

Di kalangan kabilah Quraysh
Di tengah-tengah bumi Makkah
Pabila mereka telah menganut Islam
Berteriaklah seorang pembicara
Pindahlah kamu, berhijrah.

Pindahlah mereka dengan penuh keberanian
Tidaklah ternampak kelemahan atau ketakutan
Cukup pantas di atas kuda
Senjata menghiasi mereka.

Mereka itu pahlawan yang percayakan diri
Tidaklah mereka melonjak-lonjak – gembira
Ketika panah mengena musuh mereka
Begitulah juga
Ketika panah menikam mereka
Tiada takut – tiada duka.

Kegagahan ternampak pabila mereka berjalan
Melindungi mereka ialah pukulan
Dek tidak diserang ketakutan
Tak pernah panah melekat di belakang
Malah.....setiap pukulan
Hanya berbekas di hadapan, tanda keberanian
Dan mereka tak akan lari dari kematian.

Demikian serba sedikit kisah seorang penyair

Arab yang hidup dalam dua zaman: Jahiliah dan Islam. perlu rasanya juga diterangkan, bahawa terjemahan syair-syair Ka’ab ibn Zuhayr yang saya lakukan ini, masih dalam permulaan dan percubaan. Dalam tingkatan ini, kepada mereka yang lebih mengetahuilah supaya dapat memberikan kerjasama dan usaha yang berkesan dan lebih bernilai.

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya petunjuk.